



Art Therapy dan Trauma: Kajian Dalam Kalangan Kanak-Kanak Aceh Mangsa Bencana Tsunami

YUSMARHAINI YUSOF
SHARIMA RUWAIDA ABBAS
MOHD MAKZAN MUSA

ABSTRAK

Art therapy telah dikenalpasti sebagai salah satu kaedah yang dapat digunakan dalam profesion pembantuan. Kertas kerja ini meninjau penggunaan kaedah art therapy sebagai pendekatan alternatif dalam kaunseling kepada kanak-kanak mangsa bencana tsunami, Aceh, Indonesia. Dengan menggunakan pendekatan non-directive seramai 65 orang kanak-kanak Aceh mangsa tsunami telah melukis pengalaman trauma bencana tsunami yang mereka dialami. Berdasarkan analisis simbol ke atas lukisan yang dihasilkan, tiga simbol utama telah dikenalpasti, iaitu simbol ketakutan dan kematian; simbol keyakinan dan kepercayaan kepada Tuhan; dan simbol gambaran harapan. Ketiga-tiga simbol ini memperlihatkan cara kanak-kanak mangsa tsunami menggunakannya sebagai salah satu mekanisme daya tindak dalam menghadapi trauma bencana ombak besar tsunami.

ABSTRACT

Art therapy is determined as an approach in helping profession. This paper addresses the usage of art therapy as an alternative approach in counseling among 65 children who were victims of the tsunami natural disaster in Aceh, Indonesia. Based on their drawing, three main symbols were identified; fear and death, faith in God, and hope. These three symbols reflect the children defence mechanism in coping with natural disaster.

PENGENALAN

Art therapy telah dikenalpasti sebagai salah satu kaedah yang dapat digunakan untuk membantu kanak-kanak yang mengalami trauma (Peacock, 1991; Douglas, 2001). Tatacara kaedah art therapy didapati sesuai kerana terdapat unsur-unsur merawat, memulih dan ia juga merupakan satu bentuk intervensi dan suatu cara pencegahan sekunder ketika berdepan dengan bencana (Rubin, 1999). Bencana ombak besar tsunami yang melanda Banda Aceh, Indonesia

pada 26 Disember 2004 yang lalu telah mengorbankan lebih 168,000 nyawa dan dari angka ini hampir 8,000 kanak-kanak di Aceh kehilangan salah satu atau kedua ibubapa mereka (Hassan Mohd Noor, 2005). Akibat daripada bencana tsunami, ramai kanak-kanak, wanita dan orang tua di Aceh mengalami trauma dan menderita masalah psikososial yang sebahagian besarnya memerlukan kaunseling (Maranuis, dlm. Ahmad Fauzi Mustaffa, 2005). Kaunseling diperlukan akibat daripada kesan kehilangan anggota keluarga terdekat, anggota komuniti lain dan perubahan mendadak struktur fizikal geografi yang menjadikan dunia sekeliling kanak-kanak dan remaja tidak selamat dan tidak terjamin (Weaver, 2002). Lazimnya peristiwa katastrofik dalam bentuk bencana alam atau bencana akibat perbuatan manusia meninggalkan kesan trauma ke atas aspek fizikal, psikologikal dan spiritual kanak-kanak dan remaja (Zubenko & Capozzoli, 2002).

Bolin (Weaver, 2002) mengkategorikan mangsa yang mengalami bencana secara langsung sebagai mangsa tahap primari (*primary level victim*) yang mengalami risiko emosi serius berbanding dengan mangsa tahap sekunder (*secondary level victim*) yang hanya mendengar dan melihat kejadian bencana dari media massa. Bagi mangsa tahap primari yang trauma akibat bencana alam, ia merupakan pengalaman emosi yang tidak mampu atau tidak boleh dihadapi kerana ia menimbulkan rasa tidak selamat, terancam sehingga boleh membahayakan dirinya atau orang yang disayangi dan mengakibatkan kematian. Dengan merujuk kepada kesan trauma, Iran Herman (2005) telah mengengahkan pandangan Geer yang mana 50% mangsa bencana mengalami tekanan psikologikal bencana (*psychological disaster stress*), 25% mengalami *fobia* dengan darjah ketakutan yang amat sangat dan 75% mangsa bencana bergelumbang dengan masalah psikologikal emosi yang berpanjangan yang merupakan tanda kepada *post traumatic stress disorder (PTSD)*.

Sekiranya tekanan emosi trauma berlarutan lebih dari sebulan ia akan memperlihatkan tanda-tanda dan boleh didiagnosis sebagai mengalami *Post Traumatic Stress Disorder*. *Diagnostic and Statistical Manual (DSM-IV-TR, 2000)* mengklasifikasikan PTSD kepada tiga kategori. Pertama, *acute* di mana simptom trauma yang ditunjukkan adalah dalam jangkamasa kurang dari tiga bulan. Kedua, kronik apabila simptom yang ditunjukkan melebihi tiga bulan dan ketiga trauma tertangguh yang mana sekurang-kurangnya setelah enam bulan selepas kejadian trauma, mangsa trauma mula menunjukkan simptom-simptom PTSD. Kebarangkalian untuk seseorang mengalami PTSD selepas berlakunya trauma akan meningkat berdasarkan jangkamasa dan kekuatan sesuatu pengalaman trauma, masalah emosi yang sedia ada (juga akan menambahkan lagi tekanan dan menyumbang kepada simptom-simptom PTSD), sejarah trauma sebelumnya seperti kematian anggota

keluarga, perasaan bersalah kerana hanya diri sendiri sahaja yang berjaya melepasi kejadian bencana dan trauma, atau kerana kekurangan sokongan sosial (Hansell & Damour, 2005).

PERMASALAHAN

Kajian ini merupakan kajian penerokaan dalam usaha untuk menggunakan pendekatan *art therapy* di kalangan kanak-kanak mangsa bencana alam ombak besar tsunami di Aceh, Indonesia. Konsep kajian penerokaan ini merujuk kepada penggunaan *art therapy* sebagai kaedah alternatif untuk membantu kanak-kanak dan remaja Aceh. Berbeza dengan kaunseling individu atau kelompok, pendekatan *art therapy* dan hubungannya dengan trauma cuba diketengahkan bagi melihat gambaran trauma secara visual melalui penggunaan peralatan bahan lukisan.

Kanak-kanak biasanya mengelak dari memikirkan masalah dan kerisauan mereka dengan menggunakan mekanisma helah bela-diri dan memendam trauma dan konflik yang dialami di bawah sedar. Penggunaan seni sama ada seni lukis, seni lakon atau permainan merupakan satu mekanisma proses pindahkan (*displacement*) pada kanak-kanak yang mengalami trauma. Melalui pindahkan, trauma yang terpendam dan konflik yang dialami diluahkan semula dalam bentuk lukisan. Kanak-kanak secara tidak disedari menggunakan kaedah permainan sebagai tindakan simbolik untuk memerihalkan dilema emosi yang dihadapi. Memasuki dunia fantasi kanak-kanak melalui aktiviti pindahkan seperti melukis, bercerita atau permainan terapeutik memberi peluang kepada terapis untuk mempelajari pengalaman peribadi kanak-kanak yang berkaitan dengan kesukaran atau masalah yang dialami tanpa perlu bercakap secara langsung mengenainya (Davies, 1999). Malchiodi (1998) mengatakan kanak-kanak yang mengalami trauma biasanya tidak mampu menggambarkan perasaan mereka secara langsung kepada terapis atau kaunselor. Trauma menyebabkan kanak-kanak mengalami kemerosotan dalam kebolehan untuk menggunakan imej mental dalam menyelesaikan masalah serta kebolehan visual, simbol dan pertuturan terganggu akibat trauma. Keadaan ini menyebabkan tindakan untuk menjalankan terapi atau kaunseling konvensional adalah sukar dan *art therapy* dilihat sebagai langkah alternatif mengengahkan masalah kanak-kanak dengan melukis dan membuat simbol (Stronach-Buschel, 1990).

Melukis merupakan cara yang paling selamat untuk meluahkan emosi. Sewaktu melukis kanak-kanak dapat mengawal secara simbolik pengalaman-pengalaman yang menakutkan, membolehkan mereka merasa lebih selamat,

terjamin di mana imej-imej lukisan yang dihasilkan sangat bermakna dan begitu dekat pada diri kanak-kanak (Malchiodi, 1998). Kaedah *art therapy* juga merupakan medium perantaraan di antara apa yang terpendam di dalam diri dengan dunia realiti. Melalui kaedah *art therapy* pengalaman trauma yang dialami dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil dan tidak dilihat secara keseluruhan bagi membolehkan kanak-kanak memproses pengalaman trauma secara berperingkat dari pengalaman yang senang kepada pengalaman yang sukar (Figley, dlm. Stronach-Buschel, 1990).

Melalui *art therapy* dengan menghasilkan bentuk-bentuk simbol yang mewakili pengalaman trauma, kanak-kanak dapat mengawal kemunculan ingatan-ingatan sengsara yang boleh menguasai perasaan dan mengintergrasikan pengalaman trauma ke dalam *psyche* tanpa merasa emosional (Stronach-Buschel, 1990). Di samping itu juga *art therapy* mempunyai elemen-elemen permainan yang lazimnya amat disukai kesan nikmat yang dirasai. Kanak-kanak yang melalui peristiwa-peristiwa getir masih dapat merasai nikmat dan keselesaan dengan melukis (Malchiodi, 1998). Sehubungan dengan perkara ini fungsi keseronokan *art therapy* amat diperlukan oleh kanak-kanak yang tidak berupaya dan lemah akibat trauma di mana *art therapy* memberi kanak-kanak kebebasan untuk menentukan sendiri apa yang ingin dilakukan dan ini membantu ego kanak-kanak (Van der Kolk, 1987). Tumpuan *art therapy* adalah dari dalam diri dan pada apa yang dirasai, dipersepsikan dan imaginasi dengan penekanan untuk meluahkan imej-imej yang muncul dari dalam diri. *Art therapy* adalah imaginasi aktif. Dalam *art therapy*, dunia dalam diri yang diterokai melibatkan imej, perasaan, pemikiran dan idea yang membentuk pengalaman psikologikal yang penting sewaktu melukis. Keadaan-keadaan psikologikal ini menjadikan *art therapy* sebagai kaedah untuk merawat dan memulih (Rubin 1999; Malchiodi, 1999 & Wallace, 2001).

OBJEKTIF

Pada dasarnya kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk:

- i. meneliti imej dan simbol yang muncul dalam lukisan di kalangan kanak-kanak Aceh mangsa ombak besar tsunami.
- ii. melihat refleksi trauma kanak-kanak Aceh mangsa ombak besar tsunami berdasarkan lukisan-lukisan yang dihasilkan oleh mereka
- iii. memahami aspek psikologikal trauma yang dilalui oleh kanak-kanak Aceh mangsa ombak besar tsunami

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah dilakukan sebagai sebahagian daripada usaha pengkaji yang bertindak sebagai pekerja bantuan (*relief worker*) di Banda Aceh, Indonesia sejurus selepas di timpa bencana ombak besar tsunami. Pengkaji sebagai salah seorang yang mewakili Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di bawah kelolaan Pejabat Timbalan Perdana Menteri terlibat secara langsung dengan kerja bantuan sukarela ini. Pengkaji telah menggunakan kesempatan yang ada dengan melawat ke pusat-pusat bantuan yang menempatkan kanak-kanak malang yatim piatu Aceh.

Subjek Kajian

Seramai 178 kanak-kanak dan remaja awal Aceh yang beragama Islam telah terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 15 tahun ke bawah. Kesemua kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini telah kehilangan kedua-dua ibubapa, keluarga terdekat atau salah seorang anggota keluarga hilang sewaktu bencana ombak besar tsunami melanda.

Kanak-kanak Aceh mangsa tsunami yang menjadi responden di dalam kajian ini telah ditemui di empat buah *pasentran* atau sekolah pondok yang terletak di pinggir Banda Aceh yang telah musnah. *Pasentran Babun Najjah* menempatkan 400 kanak-kanak dan remaja. Daripada 400 kanak-kanak ini 300 daripada mereka merupakan anak-anak korban tsunami yang kehilangan kedua-dua ibubapa. Daripada 300 kanak-kanak ini pengkaji telah mengenalpasti 60 kanak-kanak perempuan yang berumur 15 tahun ke bawah untuk terlibat dalam sesi *art therapy*. Di *Pasentran Darul Zahidin* telah ditempatkan lebih 200 kanak-kanak dan remaja perempuan sahaja. Hanya 50 orang kanak-kanak dan remaja yang berusia 13 tahun ke bawah dari *pasentran* ini dipilih untuk melukis. *Pasentran Al Manar* merupakan satu lagi tempat di mana 100 kanak-kanak dan remaja dikumpulkan. Hanya 50 kanak-kanak di bawah usia 13 tahun terlibat dalam sesi *art therapy*. *Pasentran Darul Al Ikhlas* dihuni seramai 90 kanak-kanak dan remaja tetapi hanya 28 kanak-kanak sahaja yang di bawah usia 13 tahun terpilih sebagai subjek kajian. Jumlah keseluruhan kanak-kanak yang terlibat untuk melukis adalah seramai 178 orang.

Peralatan Kajian

Peralatan melukis seperti krayon, pensil warna dan kertas lukisan bersaiz 30 cm x 21 cm telah digunakan sebagai alat kajian. Peralatan kajian telah memberi

ruang dan peluang kepada pengkaji untuk mendekati kanak-kanak Aceh, mangsa bencana alam tsunami. Krayon, pensil warna dan kertas lukisan yang diedarkan kepada kanak-kanak ini secara tidak langsung membawa maksud mereka akan bermain dengan warna dan kertas.

Masa Kajian

Kajian ini telah dilakukan pada tiga minggu pertama selepas kejadian ombak besar melanda Banda Aceh, Indonesia. Minggu ketiga ini merupakan waktu genting yang mencelarukan di mana suasana persekitaran di Aceh berada dalam keadaan huru-hara 'bagaikan gambaran kiamat' dengan mayat mangsa masih bergelimpangan dan kemusnahan infrastruktur yang belum dibersihkan di serata tempat di sekitar dan di pinggir Banda Aceh.

Tatacara Pengumpulan Data

Data kajian yang merupakan lukisan-lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak Aceh mangsa ombak besar tsunami telah diperolehi dari empat buah *pesanteran* atau sekolah pondok secara berasingan. Pengkaji telah pergi keempat-empat *pasentran* ini pada waktu yang berbeza dalam masa seminggu. Pengkaji mula bertemu dengan kanak-kanak untuk sesi *art therapy* di *Pasentran Babun Najjah* kemudian dikuti dengan *Pasentran Darul Zahidin* pada kunjungan pertama ke Aceh dalam operasi menyelamat. Pada kunjungan kedua pengkaji telah bertemu dengan kanak-kanak dan remaja Aceh di *Pasentran Al Manar* dan *Pasentran Darul Al Ikhlas*.

Pada setiap kunjungan di keempat-empat *pasentran*, pengkaji telah mengelompokkan kanak-kanak yang berusia 15 tahun ke bawah dan mengedarkan sehelai lembaran kertas lukisan pada setiap seorang. Pengkaji kemudian mengedarkan peralatan melukis seperti krayon dan pensil warna pada mereka yang perlu dikongsi sesama sendiri. Sebelum kanak-kanak Aceh yang telah dikenalpasti oleh pengkaji melukis, pengkaji telah memberikan arahan dalam Bahasa Melayu yang bersifat *non-directive*. Arahan *non-directive* dilafazkan dalam bentuk '*Kamu boleh melukis apa sahaja. Kamu boleh melukis bunga, pakaian, pokok, burung....*' dan perkataan 'gempa bumi', 'ombak besar' dan 'tsunami' turut dilafazkan oleh pengkaji dalam rangkaian objek-objek lain yang mereka boleh ketengahkan di atas kertas lukisan. Arahan *non-directive* ini dilakukan bagi mengelakkan dari berlakunya bias dalam memberi arahan yang memerlukan mereka patuh untuk melukis. Tatacara ini juga dilakukan untuk mengelak dari wujudnya kesan kehadiran pengkaji. Dengan menggunakan pendekatan *non-directive* dan meminimalkan kesan kehadiran pengkaji kanak-kanak Aceh mangsa tsunami lebih bebas meluahkan secara visual pengalaman trauma yang dialami.

Pengkaji telah menyatakan kepada kesemua kanak-kanak yang terlibat dalam sesi *art therapy* ini bahawa semua lukisan yang dihasilkan akan diambil oleh pengkaji pada keesokan harinya. Keadaan ini memberi mereka masa yang mencukupi untuk mereka melukis apa yang difikirkan perlu. Pada kesokan harinya pengkaji telah datang semula ke keempat-empat pasentran ini untuk mengutip lukisan-lukisan yang telah dihasilkan. Daripada 178 kertas lukisan yang diberi hanya 89 kertas lukisan yang telah dilukis berjaya dikumpulkan kembali. Dan dari angka ini hanya 64 lukisan sahaja yang memaparkan secara visual peristiwa ombak besar tsunami yang dipilih sebagai bahan kajian *art therapy*. Pengkaji kemudiannya mendekati beberapa kanak-kanak yang telah melukiskan secara visual pengalaman trauma tsunami bagi mendapatkan kisah, cerita bagi setiap lukisan yang dihasilkan. Masa yang digunakan untuk sesi pengkisahan lukisan ini adalah di antara 15 – 20 minit seorang. Catatan ringkas telah diambil oleh pengkaji dari apa yang dikisahkan dengan merujuk kepada lukisan-lukisan yang berbeza yang dihasilkan oleh kanak-kanak Aceh mangsa tsunami.

Analisis Data

64 lukisan yang dihasilkan telah diteliti dengan mengelompokkannya berdasarkan imej-imej yang membentuk keseluruhan imej lukisan yang dihasilkan. Untuk mendapatkan ketekalan dalam analisis data lukisan trauma ini telah dikelompokkan dari aspek kesamaan dan perbezaan imej yang mewakili simbol utama yang paling ketara, dekat dengan diri kanak-kanak Aceh mangsa ombak besar tsunami. Kesamaan dan perbezaan imej yang muncul kemudiannya diasingkan. Hasil dari penelitian ini terdapat tiga simbol utama yang dijelmakan di atas kertas lukisan oleh kanak-kanak Aceh mangsa tsunami. Pertama, simbol ketakutan dan kematian. Kedua, simbol keyakinan dan kepercayaan kepada Tuhan. Ketiga, simbol gambaran harapan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kanak-kanak mangsa tsunami di Aceh mengalami trauma apabila mereka melaluinya sendiri, menyaksikan, mendengar cerita secara berulang-ulang kejadian gempa bumi dan ombak besar tsunami. Imej-imej ini ditonjolkan semula melalui media perantaraan warna di atas kertas lukisan. Kesemua lukisan yang telah dihimpun dan dianalisa secara visual memperlihatkan bahawa kanak-kanak ini menyedari ombak besar tsunami yang meragut nyawa dan memusnahkan harta-benda. Dari lukisan yang menggambarkan secara visual bencana ini tiga bentuk refleksi berdasarkan imej dipaparkan. Ia melibatkan refleksi ketakutan dan kematian, refleksi agama sebagai kekuatan dan refleksi gambaran harapan.

Refleksi Ketakutan dan Kematian

Simbol kematian menerusi lukisan-lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak Aceh mangsa bencana ini ketara sekali dipaparkan pada kesemua 64 buah lukisan yang berjaya dikumpulkan semula. Kematian diperihalkan secara visual dalam keadaan paling nyata. Daripada 64 buah lukisan tersebut, terdapat tujuh buah lukisan yang paling jelas menggambarkan secara visual unsur ketakutan dan kematian. Kematian manusia dan kemusnahan harta benda diperihalkan secara terperinci melalui imej-imej manusia mati kelemasan, kehancuran, kemusnahan dengan perubahan alam sekitar di serata pelusuk Banda Aceh dan kawasan berhampiran. Imej kematian manusia dalam keadaan terapung dihanyut ombak besar, mayat terdampar di dataran merupakan refleksi ketakutan di mata kanak-kanak Aceh mangsa korban bencana ini. Pada waktu selepas ombak besar surut kanak-kanak menyaksikan sendiri dengan lebih jelas kematian di serata tempat. Visual kematian ini amat jelas kelihatan pada semua lukisan yang dihasilkan. Refleksi kematian ini menunjukkan bagaimana ketakutan diluahkan secara visual.

Kematian seringkali diiringi dengan kesedihan yang amat sangat. Apalagi kematian dalam jumlah yang ramai. Kehilangan anggota keluarga, rakan, jiran, tempat tinggal, segala objek milik peribadi dalam bentuk fizikal dan simbolik secara tiba-tiba dalam keadaan yang tidak terduga adalah kesukaran, kepahitan yang perlu dihadapi. Refleksi kematian adalah trauma yang menjadi beban yang paling getir di kalangan kanak-kanak Aceh mangsa tsunami. Dua dari tujuh buah lukisan yang memaparkan refleksi ketakutan dan kematian. tercatat juga tulisan 'Hanya MESjid lah Yang selamat' dan 'TGI:26-DES-05 GEMPA BUMI/GELOMBANG TSUNAMI, DiLAMPUYANG PULa ACeH'. Tulisan ini adalah kata-kata refleksi keseluruhan gambaran dan kesan trauma yang dialami oleh kanak-kanak Aceh mangsa tsunami.

Refleksi Agama sebagai Kekuatan Menangani Trauma

Terdapat tujuh buah lukisan yang memaparkan refleksi agama sebagai kekuatan menangani trauma. Dari ketujuh-tujuh lukisan ini diperlihatkan imej masjid yang terselamat malah berdiri kukuh yang dikelilingi dengan kawasan persekitaran yang telah hancur musnah. Masjid menjadi simbol kekuatan kesan dari pegangan, kepercayaan terhadap agama. Masjid sebagai simbol mengurang, meredakan beban psikologikal trauma yang dialami. Di sini masjid merupakan simbol yang digunakan oleh kanak-kanak sebagai mekanisma daya tindak dalam menghadapi trauma. Keagungan Tuhan terhadap alam maya dipegang dengan penuh kepercayaan. Kesan takjub kebesaran Tuhan jelas ditampilkan.

Dari ketujuh-tujuh buah lukisan yang memaparkan masjid sebagai simbol kekuatan terdapat empat buah lukisan yang menggambarkan saiz masjid yang kecil dengan ombak besar tsunami menggulung berwarna hitam dan biru tua melepasi bahagian atas masjid. Keempat-empat lukisan ini memperlihatkan gambaran visual keseluruhan panorama kawasan Banda Aceh yang dilanda ombak besar dengan latar bukit bukau, rumah kediaman dalam tatacara gambaran yang sederhana tetapi jelas maksudnya. Berbanding dengan keempat-empat lukisan ini terdapat tiga buah lukisan lain yang mengenengahkan imej masjid sahaja dalam skala yang lebih besar. Imej masjid yang dilukiskan dengan struktur bangunan yang berdiri teguh, kukuh tidak tergugat dengan kubah dan pintu masjid yang terbuka. Kanak-kanak yang melukiskan tiga lukisan ini turut mencatat 'Hanya Mesjid Lah Yang Selamat', 'Kerena mesjid ini rumah Allah' dan 'Hanyalah Masjidlah Yg Selamat'. Ketujuh-tujuh lukisan yang mempunyai simbol masjid dilukiskan oleh remaja Aceh di peringkat usia 12 – 15 tahun memperlihatkan kebolehan mereka menghayati, menerima secara abstrak logik dan metafizik.

Refleksi Gambaran Harapan

Bagi simbol harapan, kanak-kanak mangsa tsunami melukis bukan sahaja ombak tsunami, kematian dan kerosakan harta benda tetapi lukisan mereka juga menggambarkan simbol harapan dan bantuan. Melalui simbol ini, kanak-kanak mangsa tsunami melakarkan bukit-bukau menghijau, langit terbentang luas dengan kepulan awan dan matahari bersinar, burung-burung berterbangan, helikopter yang memberi bantuan dan juga mereka yang terselamat di kawasan tanah tinggi. Lukisan-lukisan ini juga merupakan refleksi pengalaman kanak-kanak ini sewaktu kejadian tsunami.

Sekumpulan kanak-kanak yang terselamat sewaktu tsunami melanda Aceh berada di sekolah terlibat dengan aktiviti ko-kurikulum. Mereka terselamat kerana dibawa oleh guru mereka menaiki gunung apabila mendapat perkhabaran bahawa air laut telah naik. Dari kawasan tanah tinggi kanak-kanak ini menyaksikan bagaimana ombak tsunami memusnahkan bandar mereka, harta-benda dan juga keluarga mereka. Walaupun ditimpa bencana dan mengalami banyak kehilangan, lukisan-lukisan kanak-kanak ini menunjukkan bahawa mereka menerima bantuan. Dua buah lukisan yang dilukis oleh kanak-kanak berusia 6 dan 7 tahun mempunyai simbol yang serupa dengan lukisan yang dihasilkan oleh remaja berusia 15 tahun di mana lakaran lukisan kanak-kanak ini juga menunjukkan bahawa masih ada yang terselamat dari tsunami. Lukisan ini juga memaparkan simbol bukit, matahari, burung, pelangi dan bintang yang melambangkan harapan walaupun setelah ditimpa bencana tsunami.

Kedua-dua kanak-kanak yang berusia 6 dan 7 tahun ini memperlihatkan peringkat praoperasi di mana mereka mampu menggunakan simbol melalui lukisan dan warna dan mempunyai kefahaman dengan dunia persekitarannya. Lakaran lukisan ini menunjukkan penggabungan elemen realistik dan fantasi. Kanak-kanak pada peringkat praoperasi percaya kepada pemikiran fantasi (magical thinking) dan melakarkan bintang, pelangi dan matahari sebagai simbol harapan agar segalanya akan kembali pulih selepas dilanda bencana ombak besar tsunami.

Analisis Imej dan Warna

Penelitian terhadap lukisan trauma kanak-kanak Aceh ini memperlihatkan gaya pengolahan warna pada keseluruhan imej lukisan yang dihasilkan. Sebahagian besar daripada 64 buah lukisan ini dipaparkan dengan tatacara ekspresif realis dan ekspresif naif. Lukisan-lukisan yang dijelmakan secara ekspresif realis memperlihatkan gambaran visual imej ombak besar tsunami dalam keadaan nyata, besar lagi menakutkan. Ombak besar tsunami digambarkan muncul mendadak dengan tiba-tiba menyergah, menyerbu tanah besar Aceh. Menerusi garis-garis kasar, tebal, besar dalam keadaan tidak terkawal kelihatan beralun laju, pintal, bergulung, berputar ganas yang datang dari pelbagai arah dalam keadaan tidak menentu dipermukaan dua dimensi kertas lukisan. Paparan sebegini menjadikan suasana lukisan kanak-kanak mangsa ombak besar tsunami kelihatan begitu dramatik, emosional dan mengharukan.

Hasil daripada penelitian ke atas beberapa lukisan-lukisan ekspresif realis tragedi bencana ini terdapat juga imej ombak besar tsunami diperlihatkan secara visual menerusi contengan-contengan kasar, tidak menentu yang memperlihatkan secara dua dinemsi suasana kacau bilau, huru hara, kalam kabut akibat bahana bencana alam ini. Dari gerak kerja lukisan-lukisan ekspresif realis ini nyata sekali paparan status psikologikal simbolik kanak-kanak yang melalui peristiwa mengerikan ini. Ia juga memaparkan secara spontan riak emosi dalam diri kanak-kanak yang berdepan dengan peristiwa bencana ombak besar tsunami. Gaya pengolahan ekspresif naif dalam lukisan-lukisan kanak-kanak Aceh mangsa tsunami ini dapat juga diperhatikan menerusi gambaran keseluruhan tragedi ini secara bersahaja, selamba, sederhana menerusi imej-imej kecil dan menerusi elemen-elemen garis-garis halus serta terputus-putus. Terdapat 14 lukisan yang memperlihatkan ruang kertas lukisan terbiar kosong di serata sudut dengan imej-imej objek pelbagai bentuk yang kelihatan terasing di antara satu sama lain tapi masih dalam kesatuan visual yang memaparkan keseluruhan pengkisahan visual tragedi trauma ombak besar tsunami yang telah dialami. Tatacara pengolahan visual

sebegini menjadikan lukisan-lukisan ekspresif naïf ini kelihatan lebih tenang, nampak permai dalam kesyahduan pilu sedih menerusi mata pensil warna dan mata pena.

Warna-warna yang digunakan oleh kanak-kanak Aceh mangsa tsunami adalah refleksi pengalaman psikologikal sewaktu melalui bencana ini. Ia mewakili gambaran suasana rasa (mood) dan perasaan mereka kesan daripada kehilangan anggota keluarga, rakan-rakan serta kemusnahan struktur fizikal dan perubahan alam datar tempat berlakunya gempa bumi dan ombak besar tsunami. Sebahagian besar dari lukisan-lukisan ini memperlihatkan dominasi warna gelap, kelam dalam ketebalan warna. Pemilihan warna dalam melukis ombak tsunami membayangkan betapa hebatnya kejadian 26 Disember 2004 pada pandangan kanak-kanak. Sebahagian besar kanak-kanak Aceh mewarnakan ombak besar tsunami dengan warna bercampur baur dengan kebanyakannya memilih warna hitam dan coklat tua bercampur biru gelap bagi menggambarkan betapa dasyatnya ombak besar tersebut. Warna-warna ini adalah gambaran psikologikal mereka yang bercampur-baur di antara takut, sedih dan terancam.

KESIMPLAN

Refleksi ketakutan dan kematian, agama sebagai kekuatan dan gambaran harapan berdasarkan imej-imej lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak Aceh memperlihatkan gambaran-gambaran nyata pengalaman melalui bencana alam terburuk ini. Dengan melukis imej-imej mental yang terpendam dalam psyche dapat dikenalpasti status psikologikal mereka. Melalui lakaran lukisan juga, kanak-kanak ini berpeluang mengekspresikan diri dan perasaan mereka di mana lakaran-lakaran lukisan yang dihasilkan mengungkap seribu duka dan kepayahan yang dilalui kanak-kanak Aceh mangsa tsunami. Kajian ini merupakan kajian awal berkaitan penggunaan art therapy dalam membantu anak-anak yang mengalami trauma akibat bencana alam. Oleh itu kajian akan datang mungkin boleh menggunakan art therapy secara berterusan dalam membantu kanak-kanak mangsa tsunami meluahkan perasaan dan membina cerita baru tentang kehidupan yang akan ditempuh pasca tsunami.

RUJUKAN

- Ahmad Fauzi Mustafa. (2005). Tsunami 6 bulan kemudian. Berita Harian, 26 Jun, hal. B1.
- American Psychiatric Association. (2000). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders DSM-TR*. Washington, DC: American Psychiatric Association.

- Davies, D. (1999). *Child development: A practitioner's guide*. New York: The Guilford Press.
- Douglass, L. (2001). Nobody hears: How assessment using art as well as play therapy can help children disclose past and present sexual abuse, dlm. Murphy, J. (ed.). (2001). *Art therapy with young survivors of sexual abuse*. Philadelphia, PA: Brunner-Routledge.
- Hansell, J. & Damour, L. (2005). *Abnormal psychology*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Hassan Mohd Noor. (2005). Enam bulan selepas tsunami. *Mingguan Malaysia*, Ahad, 3 Julai, hal. 33.
- Iran Herman. (2005). Post traumatic stress disorder di kalangan mangsa tsunami. *Kertas Cadangan Penyelidikan Isu-Isu Semasa Universiti Utara Malaysia*.
- Malchiodi, C. A. (1998). *The art therapy sourcebook*. Lincolnwood, Illinois: Lowell House.
- Rubin, J. A. (1999). *Art therapy: An introduction*. Philadelphia, PA: Brunner-Routledge.
- Peacock, M. E. (1991). A personal construct approach to art therapy in the treatment of post sexual abuse trauma. *American Journal of Art Therapy*, 29 (4): 56 - 78.
- Stronach-Buschel, B. (1990). Trauma, children and art. *American Journal of Art Therapy*, Nov. (29): 2-10.
- Van der kolk, R. A. (1987). *Psychological trauma*. Washington, DC: American Psychiatric Press.
- Wallace, E. (2001). Healing through the visual arts, dlm. Rubin, J. A. (pnyt.). *Approaches to art therapy: Theory and technique*. Philadelphia, PA: Brunner-Routledge.
- Weaver, J. D. (2000). Disaster mental health: Trauma relief, concepts, and theory, dlm. Zubenko, W.N., & Capozzoli, J. A (pnyt.). *Children and disasters*. Oxford: Oxford University Press.
- Zubenko, W. N., & Capozzoli, J. A. (2002). *Children and disasters*. Oxford: Oxford University Press.

Yusmarhaini Yusof
 Sharima Ruwaida Abbas
 Mohd. Makzan Musa
 Profesor Madya,
 Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia,
 Universiti Utara Malaysia
 06010 Sintok, Kedah, MALAYSIA
 yusmar@uum.edu.my